

CNS8468

R GB 13-04 00151 BA694

Bah

Mahathir - Kubang Pasu

JITRA, 13 April (Bernama) -- Kerajaan menjadikan Daerah Kubang Pasu, yang bersempadan dengan Thailand, sebagai daerah contoh untuk memberi gambaran kepada pelancong asing mengenai keadaan yang baik di Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sehubungan dengan itu pelbagai usaha akan dijalankan bagi memperindah dan meningkatkan kemajuan daerah itu yang menjadi pintu masuk ke negara ini.

+Kita akan menanam lebih banyak pokok di sepanjang jalan dengan cara lebih teratur,+ katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis taklimat mengenai pembangunan daerah itu di Pejabat Daerah, di sini hari ini.

Selain daripada itu, kerajaan tidak lagi menggalakkan pembukaan ladang oleh orang perseorangan di daerah itu tetapi menggalakkan pembukaan ladang berkelompok.

Perdana Menteri berkata, penubuhan industri oleh orang perseorangan juga tidak digalakkan bagi menggalakkan penubuhan industri secara koperasi dan syarikat supaya lebih ramai orang dapat bekerja. -- lagi

♥13/04/15-49MST

CNS8470

R GB 13-04 00064 BA695

Bah

Mahathir - Kubang Pasu 2 Jitra

Datuk Seri Dr Mahathir juga berpuas hati dengan prestasi rancangan kerajaan di daerah itu setakat ini, terutama usaha membasmi kemiskinan.

Katanya, walaupun terdapat beberapa projek terbengkalai tetapi secara keseluruhannya pembangunannya adalah memuaskan.

Menurutnya, kini 100 peratus penduduk daerah itu menikmati kemudahan elektrik dan 70 peratus bekalan air. -- Bernama

♥13/04/15-50MST